



**TINJAU KERJASAMA DUA HALA:** Encik Lee dan Datuk Najib bersama beberapa Menteri Singapura, meninjau model projek ikonik Urban Wellness dan Resort Wellness yang pembinaannya dijangka bermula tahun depan. – Foto ZAOBAO

# S'pura, M'sia teroka kerjasama perindustrian di Iskandar

*Singapura turut teroka kemungkinan import tenaga elektrik dari Malaysia*

Oleh PUAD IBRAHIM  
puad@sph.com.sg  
dari Putrajaya, Malaysia

PERDANA Menteri Singapura dan Malaysia semalam telah membincangkan kemungkinan kedua-dua negara menjalankan projek-projek pengembaran (*twinning*) ekonomi di Iskandar Malaysia, selain meneroka kemungkinan Singapura membeli tenaga elektrik dari Malaysia.

Ini antara inisiatif lanjut yang mungkin dapat dijalankan demi meningkatkan lagi hubungan dua hala, menyusuli beberapa kemajuan yang dicapai dalam beberapa projek kerjasama selepas melaksanakan Butiran Perjanjian (POA) pada Julai tahun lalu.

Bidang-bidang kerjasama itu dan beberapa yang lain telah di-

## ANTARA KERJASAMA

- Buka tender pada 18 November 2011 bagi melantik konsultan jalankan Kajian Kejuruteraan Bersama bagi Sistem Transit Gerak Cepat (RTS).
- Tinjau amalan antarabangsa terbaik bagi laksanakan sistem Kastam, Imigresen dan Kuaranin (CIQ) dua lokasi bersama bagi melengkapi RTS.
- Tinjau melonggarkan khidmat teksi rentas sempadan bagi perjalanan domestik.
- Teroka kemungkinan sediakan khidmat feri dan teksi air antara kedua-dua negara.
- Luaskan skop kajian RTS meliputi kemungkinan membina hubungan jalan bawah tanah antara kedua-dua negara.
- Bentuk sebuah kumpulan kerja baru mengenai kerjasama perindustrian bagi menggalak pengembaran ekonomi.
- Kajian bagi eko-pelancongan membabitkan Paya Simpanan Sungai Buloh, Sungai Pulai, Pulau dan Tanjung Piai siap.
- Meneroka kemungkinan Singapura beli tenaga elektrik dari Malaysia

sia menyertai bida bagi membekal kuasa elektrik ke Singapura.

Datuk Najib pula berkata, inisiatif menjual kuasa elektrik itu dijalankan pihak swasta dan mereka yang akan menentukan harga-nya apabila tiba masanya berbuat demikian.

Inisiatif dan perbincangan lain yang turut disentuh dalam Retreat Pemimpin itu termasuk meneroka kemungkinan menyediakan khidmat feri dan teksi air antara Putri Harbour dengan Tuas; dan meluaskan skop kajian Sistem Transit Gerak Cepat (RTS) meliputi kemungkinan membina hubungan jalan bawah tanah.

Singapura dan Malaysia juga berikrar mematuhi syarat-syarat Perjanjian Air 1962, dengan Singapura diberi hak penuh dan eksklusif bagi mengeluarkan sehingga had maksimum 250 juta gelen air sehari dari Sungai Johor sehingga perjanjian itu tamat pada 2061.

Selain pertemuan empat mata antara Encik Lee dengan Datuk Najib pada sebelah pagi, mesyuarat delegasi dan majlis makan tengah hari di kediaman Datuk Najib di Sri Perdana turut diadakan dalam retreat itu.

Dalam sidang media bersama

Menjelaskan lanjut, Encik Lee berkata sedang sektor pengeluaran Singapura kian berkembang

lah pun mengarahkan pembentukan sebuah kumpulan kerja baru mengenai kerjasama perindustrian bagi menggalak pengembaran ekonomi.

# S'pura, M'sia teroka kerjasama perindustrian di Iskandar

*Singapura turut teroka kemungkinan import tenaga elektrik dari Malaysia*

Oleh PUAD IBRAHIM  
puad@sph.com.sg  
dari Putrajaya, Malaysia

PERDANA Menteri Singapura dan Malaysia semalam telah membincangkan kemungkinan kedua negara menjalankan projek-projek pengembaran (*twinning*) ekonomi di Iskandar Malaysia, selain meneroka kemungkinan Singapura membeli tenaga elektrik dari Malaysia.

Ini antara inisiatif lanjut yang mungkin dapat dijalankan demi meningkatkan lagi hubungan dua hala, menyusuli beberapa kemajuan yang dicapai dalam beberapa projek kerjasama selepas melaksanakan Butiran Perjanjian (POA) pada Julai tahun lalu.

Bidang-bidang kerjasama itu dan beberapa yang lain telah disentuh dalam Retreat Pemimpin antara Perdana Menteri Lee Hsien Loong dengan rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Menyarakkan idea pengembaran kegiatan ekonomi itu, Encik Lee berkata, ia boleh saling memberi manfaat kepada Singapura dan Malaysia, bukan sahaja dari segi projek itu sendiri malah peluang-peluang perniagaan yang dapat dihasilkan daripadanya.

Menurutnya, menerusi projek-projek itu pekerjaan dapat diwujudkan di Iskandar Malaysia, selain dapat mendorong pembangunan sekolah, hospital dan perkhidmatan lain di wilayah tersebut.

- ## ANTARA KERJASAMA
- ▶ Buka tender pada 18 November 2011 bagi melantik konsultan jalankan Kajian Kejuruteraan Bersama bagi Sistem Transit Gerak Cepat (RTS).
  - ▶ Tinjau amalan antarabangsa terbaik bagi laksanakan sistem Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dua lokasi bersama bagi melengkapi RTS.
  - ▶ Tinjau melonggarkan khidmat teksi rentas sempadan bagi perjalanan domestik.
  - ▶ Teroka kemungkinan sediakan khidmat feri dan teksi air antara kedua-dua negara
  - ▶ Luaskan skop kajian RTS meliputi kemungkinan membina hubungan jalan bawah tanah antara kedua-dua negara.
  - ▶ Bentuk sebuah kumpulan kerja baru mengenai kerjasama perindustrian bagi menggalak pengembaran ekonomi
  - ▶ Kajian bagi eko-pelancongan membabitkan Paya Simpanan Sungai Buloh, Sungai Pulai, Pulau dan Tanjung Piai siap
  - ▶ Meneroka kemungkinan Singapura beli tenaga elektrik dari Malaysia

Menjelaskan lanjut, Encik Lee berkata sedang sektor pengeluaran Singapura kian berkembang dan dipertingkatkan ia menghadapi kekurangan ruang dan tenaga kerja.

### ► Laporan lain 4

"Dalam kedua-duanya, saya rasa ia banyak terdapat di Malaysia, dan khususnya di Iskandar Malaysia," kata beliau.

Oleh itu, jika Iskandar Malaysia dapat menyediakan kemudahan prasarana dan perindustrian, syarikat-syarikat dari Singapura atau dari luar negara yang berminat dan ingin meluaskan perniagaan mereka boleh menempatkan sebahagian kegiatan ekonomi mereka itu di Iskandar Malaysia dan sebahagiannya di Singapura.

Encik Lee dan Datuk Najib te-

lah pun mengarahkan pembentukan sebuah kumpulan kerja baru mengenai kerjasama perindustrian itu demi menggalak pengembaran ekonomi tersebut.

Mengenai tawaran Malaysia menjual tenaga elektrik kepada Singapura pula, Encik Lee berkata Singapura bersikap terbuka dalam mengimport sebahagian tenaga elektriknya dari luar negara.

"Jika syarat-syaratnya dapat diterima, (dan) ia dapat menyediakan tawaran menarik yang kami tidak boleh tolak, sudah tentu kami bersedia membelinya asalkan syarat-syarat dan perlindungannya adalah betul dan wajar," kata beliau.

Katanya, Singapura kini dalam proses melakar rangka kerja bagi mengurus import kuasa elektrik dan sebaik sahaja ia siap Singapura mengalui-alukan syarikat Malay-

sia menyertai bida bagi membekal kuasa elektrik ke Singapura.

Datuk Najib pula berkata, inisiatif menjual kuasa elektrik itu dijalankan pihak swasta dan mereka yang akan menentukan harganya apabila tiba masanya berbuat demikian.

Inisiatif dan perbincangan lain yang turut disentuh dalam Retreat Pemimpin itu termasuk meneroka kemungkinan menyediakan khidmat feri dan teksi air antara Putri Harbour dengan Tuas; dan luaskan skop kajian Sistem Transit Gerak Cepat (RTS) meliputi kemungkinan membina hubungan jalan bawah tanah.

Singapura dan Malaysia juga berikrar mematuhi syarat-syarat Perjanjian Air 1962, dengan Singapura diberi hak penuh dan eksklusif bagi mengeluarkan sehingga had maksimum 250 juta gelen air sehari dari Sungai Johor sehingga perjanjian itu tamat pada 2061.

Selain pertemuan empat mata antara Encik Lee dengan Datuk Najib pada sebelah pagi, mesyuarat delegasi dan majlis makan tengah hari di kediaman Datuk Najib di Sri Perdana turut diadakan dalam retreat itu.

Dalam sidang media bersama sebelum menghadiri majlis makan tengah hari itu, Datuk Najib berkata beliau berpuas hati dengan tahap hubungan kedua negara dan berharap Singapura dan Malaysia dapat meneruskan kerjasama dalam bidang baru seperti pendidikan, pelancongan, budaya dan sukan.

Encik Lee pula berkata, Singapura mahu melihat Iskandar Malaysia berjaya dan hubungan kukuh antara negara ini dan wilayah itu boleh saling memanfaatkan.

"Hubungan kami adalah baik dan kami berharap meningkatkan lagi hubungan tersebut dan jika di lain kesempatan kami bertemu, akan terdapat sesuatu yang kami dapat tunjukkan..." kata Encik Lee.